



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (13)
Tarikh: 7 November 2012

SIARAN MEDIA

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2012 Mengiktiraf Sumbangan Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir dalam Perancangan dan Pembangunan Negara

Kuala Lumpur, 7 November 2012 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menghadiri majlis Penyampaian Anugerah Penaung ('*Patron*') Pertubuhan Perancang Malaysia kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena HPBS 2012 pada pagi ini. Penganugerahan ini diberikan kepada Y.A.Bhg. Tun atas sumbangan beliau dalam perancangan dan pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa. Pemikiran dan kreadibiliti beliau disumbangkan dalam memacu Malaysia ke arah negara maju menjelang 2020, Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baru dan pembangunan Cyberjaya sebagai Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia. HPBS tahun ini yang bertemakan "Bandar Hijau, Komuniti Bahagia" (*Green Cities, Happy Communities*) mengumpulkan profesional perancangan bandar yang terdiri daripada jururancang bandar awam dan swasta, arkitek, penilai tanah, jurutera, ahli akademik dan profesional lain dari pelbagai yang berkaitan perancangan bandar di Seminar Perancangan Bandar. Seminar di pagi ini membentangkan 2 kerja kerja mengenai *Low Carbon Society* dan *Happiness Index* oleh penyelidik tempatan dan luar negara seperti berikut :

- i. Kertas Kerja 1 : *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency (CASBEE) in Japan* oleh Prof. Toshiharu Ikaga (Kieo University Japan)
- ii. Kertas Kerja 2 : *World Happiness Index : Malaysia's Initiative with Local Authorities* oleh Dr. Dahlia Binti Rosly ,Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Peserta seminar diharap akan lebih jelas akan hala tuju perancangan masa hadapan dan dapat menyumbang dengan lebih efektif kepada perancangan yang mampan dalam melaksanakan satu transformasi perubahan gaya hidup hijau (*green lifestyle*) yang menyeluruh dan sejahtera. Majlis pada pagi ini yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia (MIP) dan Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA) dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) turut diserikan dengan kehadiran pegawai kanan JPBD, MIP, KPKT, ahli akademik dan profesional di bidang perancangan bandar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon :03-8891 5555 Faks:03-8891 5557 E-mail : pro@kpkt.gov.my